



Keunikan seni tekstil

Serlah simbolik, falsafah, keindahan motif tradisional berunsurkan khazanah alam

Oleh Irwan Shafrizan Ismail

bhnews@bh.com.my

Keistimewaan dan keindahan seni tekstil Melayu terletak pada kehalusan motif serta reka corak yang mempesonakan.

Motif turut memainkan peranan penting dalam menunjukkan lambang dan identiti sebuah bangsa terutama bagi membezakan dengan negara jiran serumpun.

Pemilihan motif dapat menentukan keindahan yang mencerminkan pegangan hidup, persekitaran, kepercayaan dan warisan budaya.

Kehalusan reka corak dalam proses pembuatan tekstil dapat menggambarkan ketinggian pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki masyarakat setempat, setiap motif diberi pelbagai nama dan rupa bentuk mengikut cita rasa dan kreativiti pereka.

Keunikan dan kreativiti karya itu dapat dihayati serta dilihat secara dekat menerusi Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil bermula 7 Julai lalu hingga 31 Disember depan, di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur, orang ramai berpeluang melihat pelbagai jenis koleksi tekstil sama ada songket, songket limar, kain tenun, kain pelangi, batik, tekat, hiasan kepala, keling-

kan, kasut manik dan telepek.

Pameran dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu mempamerkan sebanyak 91 koleksi pelbagai kategori milik JMM dan 65 koleksi produk akhir hasil karya dan kreativiti pelajar UiTM Cawangan Machang, Kelantan.

Corak, reka bentuk eksklusif

Keseluruhan peragaan pameran ditelusuri menerusi empat segmen yang memfokuskan mengenai asal usul punca kejadian motif pada tekstil, motif reka corak dan pewarnaan, simbolisme motif pada tekstil, perkembangan idea serta hasil kreativiti motif.

Ini untuk memberi kefahaman kepada masyarakat kepelbagaian sumber inspirasi penghasilan seni tekstil tempatan.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium, Datuk Kamarul Baharin A Kasim, berkata dalam konteks tekstil, alam semula jadi adalah sumber dalam mencorakkan motif.

Beliau berkata, seterusnya

mengubahsuainya bagi menghasilkan satu reka corak yang menarik, ini termasuk pemilihan warna di atas sehelai kain putih.

Katanya, pereka dan pengusaha didedahkan melalui pemerhatian kekayaan sumber khazanah alam mengambil kesempatan itu untuk mengeluarkan daya kepekaan, kreativiti yang tinggi dalam menterjemah alam semula jadi serta persekitaran.

“Ia seterusnya dijemakan dalam bentuk reka corak yang sangat menarik dan eksklusif,” katanya yang menambah idea mengadakan pameran timbul atas kesedaran koleksi tekstil jabatan perlu dijadikan bahan pembelajaran kepada masyarakat.

Pertembungan budaya Melayu-Nusantara

Kamarul Baharin berkata, pameran menampilkan 10 kategori motif iaitu flora, fauna, alam semula jadi, kosmos, objek, makanan, figura, kaligrafi, geometri dan abstrak.

Ia terbahagi kepada empat segmen, iaitu Alam Sebagai Punca Kejadian, Motif dan Reka Corak, Simbolisme Motif Pada Tekstil dan Idea dan Kreativiti.

“Keanggunan dan keajaiban alam ciptaan tuhan menjadi sumber idea, inspirasi dan punca kejadian bagi penghasilan motif pada tekstil Melayu.

“Segmen ini memperlihatkan sebuah Diorama tentang keindahan alam dan segala isinya bermula hutan khatulistiwa, paya bakau, pantai, lautan, gunung-ganang dan alam cakerawala yang mewakili setiap unsur motif yang dipamerkan.

“Selain itu, turut menampilkan unsur-unsur motif hasil pertembungan budaya Melayu-Nusantara dan hubungan perdagangan,” katanya.

Beliau berkata, setiap unsur motif diterjemah melalui beberapa kaedah iaitu denaturalisasi, pengayaan, abstrak dan geometri sehingga menghasilkan suatu reka corak yang unggul dan dominan pada tekstil.



Unsur motif punyai maksud tersirat

Dari muka 35

“Reka corak ini, seterusnya dilengkapkan dengan pewarnaan semula jadi yang menghasilkan warna menarik dan nama istimewa sehingga membentuk sehelai kain yang sempurna,” katanya.

Tambah beliau, di sebalik setiap unsur motif yang dipilih mempunyai simbolik, falsafah dan maksud tersirat serta mempunyai hubungan rapat dengan aspek sosiobudaya, agama, kepercayaan, adat, norma, nilai, pantang larang dan pandangan hidup orang tempatan.

“Bagi segmen ini, simbolisme dan falsafah motif pucuk rebung dipilih sebagai motif dominan dalam seni tekstil Melayu.

“Antaranya ialah gabungan pucuk rebung dengan motif lain seperti pucuk rebung lawi ayam, pucuk rebung lawi itik, pucuk rebung tepi gigi yu, pucuk rebung kayohan, pucuk rebung pohon rhu dan pucuk rebung bunga ros.

“Turut dipamerkan variasi reka corak motif pucuk rebung dalam tekstil Melayu seperti pucuk rebung berjuang, pucuk rebung kendung, pucuk rebung siku keluang atau putu, pucuk rebung gigi bita dan tunjuk langit,” katanya.

Nafas baharu, cetus idea, kreativiti

Penjanaan idea dan cetusan kreativiti dalam dunia tekstil sangat penting demi kelestarian serta memberi nafas baharu dalam industri tekstil negara.

“Segmen ini mempamerkan hasil karya pelajar tahun akhir Kolej Pen-

gajian Seni Kreatif UiTM Kelantan. Setiap pelajar diberi peluang berinovasi dengan mengolah reka corak lama kepada baharu.

“Tanpa meninggalkan ciri dan identiti motif tradisional, karya mereka lebih kepada penggunaan teknologi yang membezakan penghasilan tekstil dalam rekaan batik, cetakan dan tenunan,” katanya.

Menerusi platform itu diharap dapat membuka minda masyarakat terutama generasi belia untuk mengenali dan memahami kepelbagaian, simbolik dan falsafah pada motif tradisional dunia tekstil tempatan diwarisi turun-temurun.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri meninjau galeri tekstil selepas merasmikan pameran motif dan reka corak tekstil di Muzium Tekstil Negara

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

